

PERUTUSAN HARI RAYA AIDILFITRI MELALUI RADIO DAN TELEVISYEN MALAYSIA

ANGKASAPURI, 15 APRIL 1991

Bismillahir rahmanir rahim. Assalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.
Allahu Akbar Allahu Akbar Allahu Akbar Walillahilhamd

Syukur Alhamdulillah, bulan Ramadan sudah pun berlalu dan kita telah dapat menunaikan ibadat puasa dalam keadaan yang tenang dan sempurna. Kita berharap kita bukan sahaja mendapat pahala untuk diri sendiri, tetapi juga kita menjadi insan yang lebih insaf akan tekanan-tekanan hidup dan lebih mampu menghadapi desakan nafsu yang selalu menyerang kita.

2. Ibadat puasa adalah satu hikmat untuk membentuk peribadi mulia mengikut ajaran Islam. Dalam keghairahan kita dengan kemewahan hidup, dengan tubuh badan yang sihat, dengan umur yang muda, kita yang berpuasa akan diingati oleh amalan puasa itu bahawa kemewahan, kesihatan dan umur yang muda bukanlah buat selama-lamanya. Jika kita lupa akan kemungkinan menjadi miskin dan lapar, kurang sihat dan umur yang semakin meningkat, kita tidak akan insaf dan bersyukur. Lebih buruk lagi kita tidak akan berhati-hati untuk memelihara kebahagiaan hidup kita, kesihatan kita dan masa depan kita apabila umur meningkat. Di samping itu kita tidak akan bertimbang rasa terhadap penderitaan orang lain yang tidak bernasib baik. Masyarakat yang tidak tahu bersyukur, insaf dan bertimbang rasa akan menjadi masyarakat yang tidak tenang, tidak maju dan tidak bahagia. Dengan berpuasa kita dapat memelihara diri dan masyarakat daripada ditimpa keburukan akibat daripada sifat-sifat yang tidak diingini.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

3. Hari Raya menandakan tamatnya sebulan kita berpuasa, iaitu satu bulan kita menguji ketabahan diri kita daripada tekanan-tekanan nafsu. Pada Hari Raya kita merayakan kemenangan kita mengatasi ujian ini. Kita berhak bergembira dengan sopan dan sempurna tetapi kita juga hendaklah menyifatkan Hari Raya sebagai satu lagi hikmat dan nikmat yang mempunyai pengajaran yang tertentu bagi kita.

4. Hari Raya Aidilfitri dikurniakan kepada kita sebagai satu ganjaran. Juga Hari Raya ialah hari kedamaian, hari kita bersalam-salaman, memohon maaf kepada kawan dan lawan. Dengan amalan ini, menyusuli amalan puasa, umat Islam dan umat manusia di mana juga mereka berada tetap akan mendapat kebahagiaan, insya-Allah.

5. Pada hari yang mulia ini marilah kita banyak-banyak melafazkan kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana limpahan berbagai kurniaan yang kita di Malaysia dapat menikmati. Beberapa perkembangan dalam negara sangat menggalakkan, dan kita haruslah bersyukur kepada Ilahi atas kurniaan ini. Marilah kita berdoa semoga dengan kesyukuran kita ini -kesyukuran seluruh rakyat Malaysia -kita semua akan dicucuri lebih banyak lagi nikmat-nikmat di masa depan.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

6. Kita bernasib baik kerana terdapat kestabilan politik di negara kita. Persefahaman dan keharmonian kaum juga terpelihara. Kestabilan politik dan perpaduan amatlah penting dan kita semua bertanggungjawab untuk memeliharanya supaya negara kita terus aman dan damai dan terus membangun. Kita harus ingat bahawa di mana terdapat keadaan politik yang tidak stabil dan kaum-kaum bertelagah, pembangunan dan kemajuan dalam apa juga bidang amat sukar dicapai. Rusuhan juga mungkin berlaku.

7. Ekonomi negara kita juga semakin baik. Pertumbuhan ekonomi negara kita sebanyak 8.1% pada tahun 1988 merupakan yang tertinggi sepanjang tahun-tahun 80an. Imbangan pembayaran negara kita terus kukuh. Eksport dagangan kita tahun lalu terus mencatatkan pertumbuhan dua angka, atau double-digit growth, bagi tahun kedua berturut-turut, iaitu selepas pertumbuhan yang sangat baik pada tahun 1987. Kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan juga bertambah teguh.

8. Kerajaan yakin bahawa pertumbuhan ekonomi pada tahun 1989 ini akan terus menggalakkan. Salah satu faktor penting bagi meneruskan pertumbuhan ekonomi ialah memastikan pelaburan swasta, sama ada dari dalam atau dari luar negeri, terus meningkat. Kita harus sedar bahawa pelaburan swasta adalah salah satu jentera pertumbuhan ekonomi negara. Kemajuan yang kita capai setakat ini sangat membanggakan dan kita semua harus bersyukur ke hadrat Ilahi.

9. Sekarang ini kita juga memberi perhatian kepada industri pelancongan. Tahun depan telahpun diisytiharkan sebagai 'Tahun Melawat Malaysia' dengan tujuan meningkatkan lagi bilangan para pelancong ke Malaysia. Kejayaan kempen ini bergantung bukan sahaja kepada Kerajaan, tetapi juga kepada semua rakyat Malaysia. Para pelancong mestilah berasa kedatangan mereka dialu-alukan oleh rakyat Malaysia dari sekarang lagi. Kejayaan kempen ini juga bermakna peluang-peluang pekerjaan dan perniagaan akan bertambah dan ekonomi negara akan meningkat lagi.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

10. Semua yang berlaku kepada negara kita, ada kaitan rapat dengan kehidupan diri kita sendiri. Jika keadaan politik tidak stabil, kita akan merasai kesannya seperti yang dialami oleh penduduk-penduduk beberapa buah negara di mana rusuhan berlaku disebabkan oleh politik yang tidak stabil. Kita sendiri tidak harus lupa peristiwa 13 Mei 1969 yang berlaku di negara kita. Demikianlah juga dengan ekonomi negara. Apabila ekonomi merosot, ramai yang menganggur dan pendapatan mereka yang bekerja dan yang berniaga menurun sehingga ramai pula yang menjadi muflis. Sebaliknya, pemulihan ekonomi sekarang tetap membawa nikmat kepada kita semua. Peluang-peluang pekerjaan bertambah, pendapatan meningkat dan yang miskin sekali pun lebih mudah mendapat bantuan. Dengan perkataan lain, pemulihan dan pertumbuhan ekonomi negara, secara langsung atau tidak langsung, mempunyai kesan baik

kepada setiap individu.

11. Justeru itu kita hendaklah insaf bahawa usaha mengawal keamanan, menstabilkan politik dan membangunkan ekonomi adalah untuk kepentingan dan kebaikan setiap rakyat negara ini. Bukanlah niat kita mendabik dada kepada dunia mengenai pencapaian negara dengan menyebut-nyebutkan angka-angka ekonomi tadi. Kita sebutkan tentang pencapaian kita ini kerana ia ada kaitan yang rapat dengan baik buruknya nasib penduduk-penduduk negara ini. Di samping kita merayakan kemenangan kita melawan nafsu sepanjang bulan Ramadan, kita juga boleh merayakan kejayaan kita melawan kemelesetan ekonomi yang kita alami beberapa tahun yang lepas. InsyaAllah, jika kita tidak membuat sebarang angkara, jika kita bersabar, kita akan dapat merayakan Hari Raya pada tahuntahun yang akan datang dengan lebih meriah lagi.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

12. Pada Hari Raya ada juga anggota-anggota pasukan keselamatan dan pekerja-pekerja di jabatan-jabatan tertentu yang terpaksa menjalankan tugas-tugas mereka seperti biasa. Kita tidak lupa akan pengorbanan mereka. Ada juga anggota-anggota tentera kita yang menyambut Hari Raya di Namibia, Iran dan Iraq. Mereka adalah sebahagian daripada pasukan tentera dari beberapa buah negara yang bertugas di bawah Bangsa-Bangsa Bersatu untuk menjaga keamanan di negaranegara tersebut. Tugas mereka adalah tugas yang mulia. Kita mengucapkan tahniah, terima kasih dan Selamat Berhari Raya kepada mereka di mana juga mereka bertugas. Kita berdoa semoga Allah Subhanahu wa Ta'ala sentiasa melindungi mereka.

13. Kepada kaum Muslimin dan Muslimat sekalian, saya mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri dan semoga kita semua mendapat taufik dan hidayat daripada Allah Subhanahu wa Ta'ala. Kepada saudara-saudari yang bukan beragama Islam, rayakanlah hari kebesaran ini bersama-sama dengan rakan-rakan Islam. Mudah-mudahan jurang perbezaan antara kita dapat dikurangkan lagi. 14. Akhir kata, saya serta keluarga saya memohon maaf, zahir dan batin, di atas apa juga kesilapan yang mungkin telah kami lakukan. Selamat Hari Raya Aidilfitri.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.
Allahu Akbar Allahu Akbar Allahu Akbar Walillahilhamd.